

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' DR. NIK MAZLAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2015 (ISNIN)

SOALAN :

YB Dato' Dr. Nik Mazlan Bin Nik Mohamad (Pasir Puteh) minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) Prospek-prospek pekerjaan kepada graduan-graduan menjelang tahun 2016.
- (b) Adakah Kerajaan mengkaji kelebihan graduan yang telah dikeluarkan oleh pusat-pusat pengajian tinggi yang terus bertambah supaya dapat mengurangkan masalah pengangguran di kalangan masyarakat.

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020), sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan baharu dijangka akan diwujudkan. Adalah dianggarkan sebanyak lebih kurang 143,000 pekerjaan baharu dalam kategori pekerja mahir yang akan menyediakan prospek pekerjaan kepada graduan pada tahun 2016. Peratusan guna tenaga dalam kategori pekerja mahir seterusnya dijangka akan meningkat daripada 29% (4.1 juta orang) pada tahun 2016 kepada 35% (5.4 juta orang) pada tahun 2020.

Kerajaan yakin sasaran ini dijangka dapat dicapai setelah mengambil kira unjuran pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dalam tempoh tersebut. Selain itu, Kerajaan juga akan sentiasa mengambil pelbagai inisiatif untuk menarik lebih banyak pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi. Ini seterusnya dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan berkemahiran tinggi dalam ekonomi terutamanya dalam industri bernilai ditambah tinggi.

(b) Kerajaan sedar bahawa terdapat peningkatan dalam bilangan graduan pengajian tinggi (IPT) setiap tahun berikutan pertambahan permintaan daripada pelajar lepasan SPM, sijil dan diploma yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat tertiar. Misalnya, bilangan graduan IPT meningkat sebanyak 4.7% setahun dalam tempoh 2011 hingga 2014. Namun, ini tidak bermakna berlaku lebihan graduan daripada IPT

kerana peningkatan bilangan graduan ini adalah diperlukan untuk membekalkan tenaga kerja mahir yang mencukupi untuk industri.

Namun begitu, Kerajaan akan sentiasa mengambil langkah yang sewajarnya bagi memastikan graduan yang dihasilkan memenuhi keperluan industri. Kesesuaian program-program pengajian di IPT juga terus dinilai dari semasa ke semasa di samping kelulusan penawaran program-program pengajian baharu oleh IPT diperketatkan. Ini bertujuan untuk memastikan program pengajian yang ditawarkan adalah selaras dengan keperluan sebenar industri serta bagi mengelakkan berlakunya lebihan penawaran tenaga kerja mahir dalam pasaran.

Di samping itu, strategi-strategi berikut juga akan terus diambil untuk membantu meningkatkan lagi tahap kebolehpasaran graduan yang seterusnya dapat mengurangkan pengangguran di kalangan graduan:

- Memperkuuh lagi pembangunan kurikulum pengajaran dan pembelajaran di IPT dengan kerjasama industri;
- Memperluas pelaksanaan dan tempoh latihan penempatan industri bagi semua bidang pengajian;
- Memasukkan elemen keusahawanan dalam kursus pengajian untuk memupuk minda keusahawanan di kalangan pelajar IPT;
- Meneruskan pelaksanaan program latihan khas untuk graduan seperti Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dengan sasaran sebanyak 10,000 orang dan *Graduate Employability Management Scheme (GEMS)* dengan sasaran sebanyak 7000 orang pada tahun 2015; dan
- Meneruskan pelaksanaan Kajian Pengesanan Graduan bagi mengenalpasti tahap kebolehpasaran graduan dan secara tidak

langsung dapat membantu Kerajaan menilai kualiti sistem pengajaran dan pembelajaran di IPT dari semasa ke semasa.

Selaras dengan hasrat untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan holistik juga, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) telah menggariskan 10 lonjakan untuk mentransformasi sistem pendidikan tinggi negara secara menyeluruh.

Sekian, terima kasih.